



SIARAN DALAMAN

PENANGGUHAN KEMBALI KE KAMPUS PELAJAR POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH (PSA) BERIKUTAN PENULARAN WABAK COVID -19 BERDASARKAN KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

Sebagai langkah berjaga-jaga berikutan peningkatan kes COVID-19 di beberapa daerah di negara ini, PSA bersetuju untuk **PENANGGUHAN KEMBALI KE KAMPUS bagi SEMUA PELAJAR (SEMESTER 1-5) sehingga 31 OKTOBER 2020.**

Pelaksanaan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) secara bersempua **DIBATALKAN** serta merta sepanjang tempoh berkenaan. Walau bagaimanapun para pensyarah diminta mengadakan kelas secara atas talian sepenuhnya mengikut kesesuaian masa dan perancangan kursus masing-masing.

Bagi pelajar yang telah berada di kampus dan sedang mengikuti aktiviti akademik, mereka boleh kekal berada di kampus dengan mematuhi segala SOP yang ditetapkan.

PSA juga bersetuju menangguhkan semua program atau aktiviti yang melibatkan himpunan di dalam kampus.

Semua warga PSA adalah tertakluk kepada arahan dalaman yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Warga kerja dan para pelajar boleh merujuk laman media sosial dan laman rasmi PSA untuk makluman sebarang perkembangan.

Seluruh warga PSA adalah diingatkan untuk menjaga kebersihan dan keselamatan masing - masing dan mematuhi segala arahan yang dikeluarkan MKN dan KKM selama mana penularan wabak ini berlaku.

Sebarang pertanyaan berhubung arahan ini, boleh menghubungi Jabatan Hal Ehwal Pelajar 03-51634059/69 dan kaunter Khidmat Pelanggan, PSA (03-51634000) dari 8.30 pagi – 4.30 petang (hari berkerja).

**POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH (PSA)
2 OKTOBER 2020**